

**Faktor Penglibatan Masyarakat Islam Tiga Wilayah Sempadan Selatan Thailand  
dalam Pertandingan Seni Suara Burung Ketitir dan  
Kefahaman Terhadap Status Hukum**  
**Factors Influencing Muslim Community of the Tree Southern Provinces of Thailand  
Participation in the Zebra Dove Bird Sound Competition and  
Their Understanding of the Legal Status**

Muhammadhusnee Yanya<sup>1</sup>

Asyraf Hj Ab. Rahman<sup>2</sup>

(Received: April 28, 2022; Revised: June 06, 2022; Accepted: June 29, 2022)

**ABSTRAK**

Pertandingan sukan tradisional berasaskan seni suara burung ketitir adalah popular dalam kalangan masyarakat Islam di tiga wilayah Selatan Thailand. Ini boleh dilihat, apabila aktiviti ini dipertandingkan hampir setiap hari kecuali hari Jumaat di kebanyakan tempat dan daerah. Kekeliruan masyarakat Selatan Thailand mengenai pertikaian para ilmuan agama tempatan terhadap status hukum menjadikan pertandingan burung ini masih aktif sehingga ke hari ini. Kertas ini membincangkan faktor penglibatan pertandingan dan tahap kefahaman peserta pertandingan burung tentang kedudukan hukum dalam pertandingan. Kertas ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual terhadap 9 peserta pertandingan dan pemerhatian ikut serta di lokasi pertandingan. Kajian mendapati faktor minat atau kegemaran diri, faktor sosial, faktor mempromosi burung, faktor ekonomi dan hadiah sebagai faktor penglibatan pertandingan burung ketitir. Kajian juga mendapati rata-rata peserta masih berbeza pandangan terhadap status hukum pertandingan burung iaitu, harus hukumnya, kurang baik dalam beberapa aspek, tidak tahu dan mengandungi unsur perjudian kerana melibatkan bayaran yuran dan hadiah yang diambil dari sumber yuran tersebut.

**Kata Kunci:** *Burung Ketitir, faktor Penglibatan, Status Hukum*

---

1 Islamic Studies Program, Pattani Community College, Pattani. (Corresponding author / Email : husneeyanya@gmail.com)

2 Department of Nationhood and Civilization, Centre For Fundamental And Liberal Education, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

## ABSTRACT

Traditional sports competitions based on the art of the bird's sound are popular among the Muslim community in the three southern provinces of Thailand. This can be seen, when the activity is contested almost every day except Friday in most places and districts. The confusion of the Southern Thai community over the legal status makes this bird contest still active to this day. This paper discusses the factors influencing Muslim Community of the three Southern Provinces of Thailand participation in the zebra dove bird sound Competition and their understanding of the legal status. The paper uses a qualitative approach through the method of interviews with 9 competition participants and participatory observations at the competition location. The study found that personal interest, socio economic factors, as well as bird promotion and prizes are motivating factors for the community participation in the bird competition. The study also found that most of the participants have different views on the legal status of bird competitions such as permissible, not good in some aspects, do not know the legal status and involve elements of gambling as the payment of fees and prizes are taken from source of the fees.

**Keywords:** *zebra dove bird, bird competition, Islamic Legal status*

## Pendahuluan

Pertandingan sukan tradisional berasaskan burung amat popular di tiga wilayah sempadan Selatan Thailand khususnya pertandingan seni suara burung ketitir. Fenomena ini boleh dilihat di kebanyakan tempat atau daerah di tiga wilayah Selatan Thailand. Hampir setiap hari masyarakat Islam khususnya peminat burung ketitir menganjurkan aktiviti permainan burung ini bagi mengisi masa lapang mereka. Bahkan, aktiviti ini telah berkembang pesat sehingga berjaya menembusi peringkat antarabangsa apabila Wilayah Yala, dengan kerjasama Pusat Perbandaran Wilayah Yala dan Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan Thailand telah berjaya menganjurkan Festival Pertandingan Seni Suara Burung Ketitir Peringkat Asia Tenggara (Mallika Khananurak, 2006). Sejak dari itu, pertandingan dan permainan burung Ketitir semakin mendapat tempat di hati para peminat khususnya masyarakat Islam daripada pelbagai lapisan masyarakat. Namun begitu, di sebalik keghairahan peminat burung menceburi pertandingan burung dan kejayaan penganjuran pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, masyarakat Selatan Thailand terutamanya penduduk Islam masih dibelenggu

kekeliruan dari sudut kedudukan hukum pertandingan burung tersebut (Temu bual Asae Semela, 2014, Disember 11).

Terdapat beberapa isu di sebalik penganjuran pertandingan burung ini. Masalah yang amat ketara dan perlu diberi perhatian ialah apabila pertandingan dikaitkan dengan pembayaran yuran dan hadiah. Justeru, timbul beberapa persoalan dari sudut hukum hadiah yang diberikan, sama ada ia berkait rapat dengan konsep perjudian atau pertaruhan. Ini adalah kerana, setiap perjudian umumnya ditakrifkan sebagai permainan yang mendatangkan kerugian atau keuntungan (Al-Baijuri, 1974). Tambahan pula, asas utama perjudian ialah hadiah yang diambil daripada pertaruhan yang dikeluarkan oleh setiap peserta dan peserta yang terlibat pula perlu menanggung salah satu daripada kebarangkalian iaitu sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian (Ashraf Mh. Hashim, 2003). Keadaan ini boleh dilihat apabila para peserta disyaratkan perlu membayar yuran pendaftaran bagi melayakkan mereka menyertai pertandingan tersebut. Hadiah pertandingan pula, diambil daripada sebahagian bayaran yuran pendaftaran yang dikenakan (Azman Ab Rahman, 2007). Selain daripada hadiah bagi pemenang dalam pertandingan burung, hadiah cabutan nombor bertuah juga disediakan. Hadiah dalam bentuk ini, boleh dilihat di mana-mana lokasi pertandingan. Pihak penganjur akan menyediakan kupon bagi setiap peserta yang menyertai pertandingan (Mallika Khananurak, 2006). Walau bagaimanapun, kupon yang dibeli oleh peserta burung kadangkala dengan tujuan semata-mata untuk menyertai pertandingan tanpa mengharapkan hadiah cabutan nombor bertuah dan ada juga yang mengharapkan hadiah tersebut. Menurut Yusuf al-Qaradawi (2014), sekiranya tujuan peserta membayar wang hanya untuk memperoleh nasib yang lebih bagi mendapatkan hadiah sahaja dan tidak mempunyai niat langsung untuk terlibat dengan pertandingan yang diadakan, maka hukumnya adalah haram. Apatah lagi, sekiranya kupon yang dibeli lebih daripada satu. Dalam situasi ini, jelas menunjukkan unsur pertaruhan semata-mata bagi mendapatkan hadiah dan pertaruhan seperti ini adalah haram di sisi Islam.

Dalam konteks masyarakat Islam tiga wilayah Selatan Thailand pula, pertandingan tersebut masih aktif dianjurkan hingga kini. Hal ini boleh dilihat, melalui perselisihan pendapat dalam kalangan para ilmuan agama terhadap hukum pertandingan burung ketitir yang disertai dengan bayaran dan hadiah. Terdapat dua pandangan berbeza tentang hukum pertandingan yang disertai dengan bayaran dan hadiah. Pendapat pertama ialah dibenarkan melakukan pertandingan kerana wang penyertaan tersebut dianggap sebagai sewa tempat atau sewa penyangkut tiang sangkar dalam pertandingan. Ia boleh dijadikan hadiah bagi pemenang pertandingan, malah tidak dianggap sebagai perjudian (Temu bual Abdulrahmah Toklong, tarikh

29 Oktober 2013). Pendapat yang kedua ialah tidak dibenarkan kerana berunsur pertaruhan dan perjudian melalui bayaran yuran penyertaan dan hadiah yang diambil dari sumber tersebut (Temu bual TG Hj Ismail Bendang Badam, tarikh 2 Febuari 2013). Pertikaian pendapat dari sudut hukum dalam kalangan para ilmuan agama ini, menjadikan masyarakat awam terkeliru kedudukan hukum sebenar pertandingan yang dijalankan.

Kekeliruan status hukum pertandingan dalam kalangan peserta pertandingan secara khususnya, menjadi lebih serius apabila para penuntut ilmuan agama (tok lebai, tok fakir dan ustaz) turut terlibat sebagai peminat dan peserta pertandingan burung ketitir. Melalui pemerhatian ikut serta di beberapa lokasi pertandingan, adalah didapati sebahagian masyarakat Islam yang menyertai pertandingan burung ketitir terdiri daripada golongan yang berkupiah. Menurut salah seorang peserta pertandingan Haji Ahmad Khokpo (tarikh 28 Disember 2014), golongan yang menyertai pertandingan burung ketitir adalah terdiri dari pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat termasuklah golongan penuntut ilmuan agama. Penyertaan golongan ini telah menarik perhatian masyarakat awam untuk turut terlibat dalam pertandingan. Ini kerana, penyertaan mereka membuatkan masyarakat awam beranggapan pertandingan yang dianjurkan adalah harus. Kertas ini cuba untuk mengenal pasti faktor penglibatan masyarakat Islam tiga wilayah Selatan Thailand dalam pertandingan dan tahap kefahaman mereka terhadap kedudukan hukum Islam pertandingan burung ketitir.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan dalam bentuk pendekatan kualitatif. Ia dapat ditakrif sebagai suatu pendekatan yang tidak menggunakan elemen kuantitatif atau nombor-nombor statistik, tetapi lebih menekankan kepada kajian interpretasi atau tafsiran (Chai Pothisita, t.th). Kajian ini dilakukan ke atas sembilan orang peminat burung ketitir yang beragama Islam di tiga wilayah sempadan Selatan Thailand. Peminat burung dalam kajian ini merujuk kepada golongan yang pernah menyertai pertandingan burung ketitir di pelbagai peringkat sama ada peringkat besar atau kecil. Kriteria peserta pertandingan burung dari sudut pemilihan informan adalah berdasarkan kepada kategori mereka yang pernah menjadi juara pertandingan burung ketitir. Pemilihan informan juga adalah berdasarkan kepada kelangsungan penglibatan dalam pertandingan burung ketitir tidak kurang daripada tujuh tahun. Sejumlah informan ini dipilih dengan tujuan bagi mendapatkan sebanyak mungkin informasi yang diperlukan. Dalam kajian kualitatif, saiz sampel tidak dapat ditentukan dari awal kajian.pemilihan sampel dan analisis

data adalah secara berterusan hingga sampai satu tahap di mana tidak lagi ditemui maklumat yang baru atau maklumat yang diperoleh sudah bertindan dengan maklumat yang diperoleh sebelumnya. Ini dipanggil sebagai titik ketepuan (Othman Lebar, 2009) Keseluruhan informan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai sembilan orang. Manakala lokasi pertandingan adalah di tiga wilayah utama iaitu Pattani, Yala dan Naratiwat. Proses pengumpulan data pula dilakukan bermula November 2014 sehingga Mac 2015.

Data dikumpul melalui temu bual semi berstruktur. Ia digunakan dengan menggabungkan temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual ini dibinakan terlebih dahulu, tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara pengkaji dan informan (Othman Lebar, 2009). Temu bual semi berstruktur berdasarkan protokol temu bual berkaitan latar belakang peserta burung, penglibatan serta kefahaman hukum. Proses kutipan dan analisis data melalui temu bual dalam kajian ini melibatkan tujuh peringkat seperti yang dinyatakan oleh Klave iaitu *thematizing* (skop tema yang ingin diperoleh), *designing* (soalan dalam protokol temu bual dan nota catatan), *interviewing* (proses temu bual), *transcribing* (transkrip temu bual dalam teks), *analyzing* (membaca transkrip dan mengenal pasti tema), *verifying* (mengesahkan kredibiliti data) dan *reporting* (menulis laporan). (Othman Lebar, 2009)

## Dapatan dan Perbincangan

### 1. Profil Informan

Informan kajian adalah seramai sembilan orang dan mereka terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang dikategorikan kepada empat iaitu 23-34 tahun, 35-49 tahun, 50-64 tahun dan 65-79 tahun. Informan daripada kumpulan 50-64 tahun adalah seramai lima orang (55.56%), diikuti dengan kumpulan 35-49 tahun seramai dua orang (22.22%). Manakala kumpulan umur 20-34 tahun adalah seramai seorang (11.11%) dan kumpulan 65-77 tahun seramai seorang (11.11%).

Dari aspek pendidikan pula, terutamanya pendidikan aliran agama, kajian mendapati mereka memperoleh pendidikan aliran agama di institusi pengajian pondok iaitu seramai empat orang. Tiga orang pula memperoleh pendidikan aliran agama di peringkat sekolah tadika sahaja. Dua orang lagi memperoleh pendidikan aliran agama di peringkat sekolah menengah Arab. Dari segi pekerjaan pula, kesemua informan bekerja sendiri. Antara pekerjaan mereka ialah penternak burung ketitir seramai enam orang, pembuat sangkar burung seramai seorang, pekebun seramai seorang dan pembimbing para jamaah haji seramai seorang.

Kesemua informan mempunyai pengalaman dalam pertandingan burung ketitir tidak kurang daripada tujuh tahun. Ia merupakan kriteria pemilihan mereka sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan pengalaman informan dalam pertandingan burung ketitir adalah dalam lingkungan tujuh hingga 40 tahun. Ini menunjukkan pengalaman mereka dalam pertandingan adalah berbeza. Data yang diperoleh menunjukkan seramai empat orang mempunyai pengalaman antara 7-10 tahun, dua orang berpengalaman selama 30 tahun dan dua orang pula mempunyai pengalaman selama 40 tahun dan seorang mempunyai pengalaman 17 tahun. Dari segi peringkat pertandingan yang mereka pernah ikuti pula, data menunjukkan kesemua informan pernah mengikuti pertandingan di peringkat mingguan dan wilayah. Di peringkat kebangsaan pula, kesemua (melainkan IN7) pernah mengikuti pertandingan. Semua informan terlibat dalam pertandingan peringkat antarabangsa kecuali dua orang iaitu IN7 dan IN9. Dari segi juara pertandingan pula, kesemua informan pernah menjadi juara pertandingan di peringkat mingguan. Di peringkat wilayah, enam orang sahaja yang mendapati juara pertandingan. Informan yang berjaya dalam peringkat kebangsaan pula adalah seramai tiga orang dan dua orang di peringkat antarabangsa.

**Jadual 1:** Taburan Dapatan Profil Informan

<b>Profil Diri</b>	<b>IN1</b>	<b>IN2</b>	<b>IN3</b>	<b>IN4</b>	<b>IN5</b>	<b>IN6</b>	<b>IN7</b>	<b>IN8</b>	<b>IN9</b>
<b>Umur</b>									
23-34									x
35-49						x	x		
50-64	x	x		x	x			x	
65-77			x						
<b>Pendidikan Agama</b>									
Tadika							x	x	x
Sekolah Arab	x					x			
Pondok		x	x	x	x				
<b>Pekerjaan</b>									
Bekerja Sendiri	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Pendapatan Bulanan</b>									
< 3,000									
3,000-9,999		x					x	x	x
10,000 >	x		x	x	x	x			
<b>Penglibatan</b>									
Mingguan	x	x	x	x	x	x	x	x	x

Wilayah	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Kebangsaan	x	x	x	x	x	x		x	x
Antarabangsa	x	x	x	x	x	x		x	
<b>Pengalaman</b>									
7-10						x	x	x	x
17		x							
30				x	x				
40	x		x						
<b>Juara Pertandingan</b>									
Mingguan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Wilayah	x	x	x	x	x	x			
Kebangsaan	x	x	x						
Antarabangsa		x	x						

## 2. Faktor Penglibatan Pertandingan Burung Ketitir

Kajian yang dijalankan telah mengenal pasti beberapa hasil kajian berkaitan faktor penglibatan informan dalam pertandingan burung ketitir di Selatan Thailand. Terdapat lima faktor yang diperolehi daripada kajian ini sepertimana di bawah:

### 2.1 Faktor Minat dan Kegemaran dalam diri

Kajian mendapati antara faktor utama penglibatan informan dalam pertandingan adalah didorong oleh minat dan kegemaran dalam diri untuk melibatkan diri dalam pertandingan burung ketitir. Minat dan kegemaran menyebabkan informan mengikuti setiap pertandingan yang dianjurkan sehingga ke hari ini. Hal ini diakui sendiri oleh informan (IN6) bahawa telah terlibat dalam pertandingan burung ketitir di setiap lokasi pertandingan yang dianjurkan melainkan pada hari Jumaat sahaja apabila tiada pertandingan yang dianjurkan. Ini kerana kebimbangan mereka tidak sempat untuk menunaikan solat Jumaat. Ini menunjukkan hari Jumaat adalah penting bagi mereka. Kenyataan beliau adalah seperti berikut:

*“Gi (pergi) ngangok (tanding) kerana suka, baghe (hadiah) yo (dia) tadok (tidak) meting (penting) sangak (sungguh) dok, sebab yo (dia) tughong (turun) moda (modal) atah (atas) bare (hadiah) tu (itu) tiga ghatuh kub (300 Bath), utung (untung) seghatuh lima puluh kub (150 Bath),,,tubik (keluar) gi (pergi/mengikuti) ngangok per(tandingan) tak begheti (berhenti), med (mulai) di haghi (hari) sattu (sabtu) sapa (sehingga) haghi (hari) khamih (khamis)...buleh (dapat) sain (kawan) ghama (ramai)”*

Kenyataan di atas menunjukkan faktor minat dan kegemaran diri sendiri terhadap permainan burung menyebabkan beliau terlibat secara langsung dalam pertandingan yang dianjurkan. Ini menunjukkan perasaan minat berperanan penting dan berjaya mempengaruhi serta mendorong informan berusaha gigih untuk menjuara sesuatu pertandingan yang dianjurkan. Menurut Mohamad Surya (2003), perasaan minat sangat besar pangaruhnya dalam pencapaian sesuatu pekerjaan. Ini bermakna, orang yang tidak berminat terhadap sesuatu pekerjaan, mungkin tidak akan berjaya menyelesaikan sesuatu pekerjaan dengan baik.

## 2.2 Faktor Sosial (mendapati kawan)

Kajian mendapati faktor sosial atau mendapati kawan turut menjadi penyebab informan mengikuti pertandingan. Faktor ini telah menjadi pendorong bagi dua orang informan (IN2 dan IN8) untuk melibatkan diri dalam pertandingan. Mereka mengakui selain faktor ekonomi dan promosi burung, faktor sosial atau mendapati kawan baru turut mempengaruhi mereka terlibat dalam pertandingan yang dianjurkan. Menurut IN2, ramai dalam kalangan peminat burung yang mengikuti pertandingan burung ketitir adalah tujuan mendapati kawan untuk saling kenal-mengenal di samping mempelajari hal ehwal burung daripada peminat-peminat burung ketitir lain. Kenyataan ini dikongsikan oleh IN2 seperti berikut:

*“Ado(ada) jugok (juga) setengoh (setengah) oghe(orang) maghi (mari) ngangok (tanding) nok (nak) jupok (jumpa) gu (teman) kawe-kawe (kawan-kawan), lamo-lamo (lama) tok (tak) jupok (jumpa)...seghupo (serupa) tepat (tempat) besa(besar) ghama (ramai) boleh (boleh) jupo (jumpa), seghupo (seumpama) semaye (solat) mayat (jenazah) nok (nak) jupok (jumpa) sain-sain (kawan-kawan)...tanyo (Tanya) po (apa) khoba (khabar)”*

Pemerhatian dan temu bual yang dilakukan oleh pengkaji mendapati suasana persahabatan dalam kalangan peminat burung ketitir adalah amat rapat serta boleh dilihat di setiap lokasi pertandingan. Lokasi pertandingan burung pula merupakan lokasi pertemuan bagi kalangan peminat burung ketitir. Mereka terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat sama ada masyarakat awam, orang kenamaan, golongan terpelajar dan lain-lain. Mereka berkumpul dan bertukar idea, bertanya khabar serta bersalak ketawa dengan peminat burung. Menurut P.K8, mereka saling bantu membantu dan mempunyai ikatan tali persahabatan yang amat kuat. Beliau turut berkesempatan bertemu dengan kawan-kawan lama yang sebelum ini tidak pernah ditemui. Kenyataan melalui temu bual bersamanya berbunyi:

*“Gi (pergi) ngangok (tanding) nak temung (bertemu) gu (kawan) gatek, gi (pergi) situ boleh (dapat) temung (bertemu) belako (semua) sain-sain (kawan-kawan) kawe gu (sahabat/kawan) hak lama tak jupak (jumpa), kade-kade (kadang-kadang) sain (kawan) lama tak*

*jupak (jumpa), maghi jupak (jumpa) sining (di sini) jadi oghe besa banyak (ramai yang jadi pemimpin/orang atasan)”*

Perbincangan di atas menunjukkan dorongan sosial atau mendapati kawan baru merupakan antara faktor yang menyebabkan informan melibatkan diri dalam pertandingan. Ini adalah kerana, di lokasi pertandingan terdapat peserta yang pelbagai peringkat umur dan kedudukan dalam masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan informan suka membina hubungan persahabatan sesama golongan peminat burung khususnya golongan yang berpangkat tinggi dalam masyarakat seperti pemimpin kampung, pegawai kerajaan dan lain-lain. Informan membina hubungan dan merapatkan hubungan dengan mereka kerana mereka dipandang mulia disisi informan dan juga orang lain. Dalam Islam, membina hubungan atau menjalinkan persahabatan adalah perkara yang dituntut. Ia adalah sebuah hubungan yang membawa makna saling mengambil berat seseorang terhadap yang lain. Proses membina hubungan telah diperkenalkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, oleh itu damaikanlah antara kedua saudaramu" (Surah al-Hujurat:10). Dalam konteks pertandingan sebegini, ia adalah sesuatu yang positif apabila semua manusia tanpa mengira pangkat dan kedudukan dapat disertakan dalam program serta kapasiti dengan peserta yang ramai.

### 2.3 Faktor Mempromosi Burung / Reputasi

Hasil kajian mendapati faktor mempromosi burung dan reputasi burung turut mendorong informan terlibat dalam pertandingan. Informan yang terlibat dalam pertandingan cuba untuk memperkenalkan atau mempromosi burung mereka kepada peminat burung lain. Hal ini dapat dilihat dalam kalangan IN1, IN2, IN3, IN5 dan IN9. Mereka bersepakat menyatakan ramai dalam kalangan peminat burung ketitir yang mengikuti pertandingan di setiap lokasi pertandingan bagi tujuan memperkenalkan atau mempromosi burung mereka kepada peminat burung lain.

Maklum balas informan di atas menunjukkan bahawa mereka mengikuti pertandingan di setiap lokasi pertandingan untuk tujuan mempromosikan burung mereka. Bagi mereka, kemasyhuran dan keuntungan adalah sangat penting. Hal ini dijelaskan oleh IN3 yang mengatakan bahawa burung ketitir walaupun memiliki suara yang indah, tetapi jika hanya dinikmati suaranya di rumah tanpa mengikuti pertandingan tidak akan memberi manfaat kepada pemiliknya. Hal ini kerana, dia tidak mendapat apa-apa keuntungan dari segi ekonomi. Dengan mengikuti sesuatu pertandingan membolehkan mereka memperkenalkan burung

kepada peminat burung lain di samping membolehkan mereka menjual burung tersebut kepada peminat lain. Kenyataan ini dibuktikan oleh IN3:

*“Bughong (burung) kito (kita) dok (tinggal) dale (dalam) umoh (rumah) mole’ (indah) setagho mano pon (setakat mana pun) tok (tak) jadi kalu (kalau) kito (kita) tok (tak) masok (masuk) taneng (tanding), seghupo (seumpama) oghe (orang) baco (baca) Qo’ae (Qur’an) la diyo (dia) seda’ (sedap) soghe (hanya dia sahaja), kito (kita) gi (pergi) taneng (tanding) boleh (boleh) tau (tahu) la ada pengade (pengadil), seghupo (seumpama) nok (hendak) khosena (promosi),,koh tu (ketika itu) amo (saya) gi (pergi) Singapor minggu kali (seminggu sekali) gi (pergi) ngangok (tanding) gi jua (serta jual) bughong (burung).”*

Faktor ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan IN1 dan IN9. Menurut IN1, walaupun faktor hadiah dianggap sebagai faktor yang penting namun faktor tersebut merupakan faktor sampingan sahaja. Ini adalah kerana nilai hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur adakalanya rendah dan tidak memadai jika dibandingkan dengan perbelanjaan dari kos perjalanan, penginapan, makanan dan lain-lain.

Apa yang lebih penting tujuan informan melibatkan diri dalam pertandingan adalah untuk memperkenalkan burung ketitir yang hebat dari sudut seni suara sehingga ada peminat yang sanggup membeli burung tersebut. Justeru itu, kebanyakan peminat yang memiliki burung ketitir bersuara indah, mereka akan mengikuti setiap pertandingan untuk memperkenalkan dan mempromosikan burung mereka. Faktor ini melalui temu bual bersama IN5 seperti berikut:

*“Nak (hendak) khosana (promosi) bughong (burung) kata molek (indah suara), tu (itu) jutuwe (tujuan) gi (ikut) ngangok (pertandingan), rangwan (hadiah) buke (bukan) paumai (matlamat) lak (utama), supa (cohtoh) nga (dengan) boleh (dapat) chawe (piala) duk (tinggal) taghoh (simpan) show situ, hak (yang) tu dah nak tunyok (tunjuk) bughong (burung) molek (baik)”*

Faktor memperkenalkan burung dan promosi ini turut dikaitkan juga dalam kalangan jutawan atau orang kenamaan. Mereka mengikuti pertandingan semata-mata untuk mencari nama atau reputasi di samping mempromosi burung mereka. Maklum balas dari IN2 umpamanya, menunjukkan sebahagian daripada mereka (jutawan) sanggup mengupah orang lain membela atau memelihara burung mereka.

Berdasarkan beberapa kenyataan sebelum ini, jelas menunjukkan mempromosi burung dan mencari reputasi adalah antara faktor yang mempengaruhi informan mengikuti pertandingan khususnya dalam kalangan jutawan atau orang kenamaan dalam masyarakat. Bagi mereka, kemasyhuran dan keuntungan adalah sangat penting. Sebahagian mereka sanggup

mengupah orang lain membela atau memelihara burung mereka. Sebahagian lagi sanggup membayar dengan harga yang tinggi untuk memiliki burung yang terindah suaranya bagi menjuarai pertandingan di samping mempromosi burung mereka. Ini menunjukkan bahawa faktor mencari reputasi sangat penting sehingga informan sanggup membuat apa sahaja demi kemasyhuran atau kenamaan.

#### 2.4 Faktor Ekonomi

Selain faktor di atas, dorongan ekonomi atau perniagaan burung turut menjadi penyebab informan terlibat dalam pertandingan burung ketitir. Hal ini kerana, lokasi pertandingan burung dianggap sebagai lokasi perniagaan burung dan alatan yang berkaitan. Kajian mendapati IN1, IN4 dan IN8 sanggup membayar yuran bagi membolehkan mereka mengikuti pertandingan bagi tujuan perniagaan burung. Menurut IN4, lokasi pertandingan adalah merupakan lokasi perniagaan burung. Perniagaan tersebut berlaku melalui jualan burung kepada peminat burung, sama ada dari dalam atau luar negara. Kenyataan IN4 menjelaskan di bawah ini:

*“Gi (pergi) ngangok (tanding) nok (nak) gi (pergi) jua (jual) bughong (burung), bilo (apabila) bene (menang) peka’ (peringkat) haluh (kecil) boleh (boleh) gi (pergi) tewah (tandinga) peka’ (peringkat) tigo ghatoh (300 Bath) peka’ besa (peringkat besar) pah tu (lepas itu) peka’ (peringkat) Asian, baghu (baru-baru) ning (ini) jua (jual) dua ghatoh limo (250,000 Bath), pahtu (lepas itu) demo (peminat) maghi (mari) caghi (cari) dumoh (di rumah) jua (jual) anak (anak) bako (keturunan) diyo (burung) dua-tiga puluh ghibu (20,000-30,000 Bath),,,”.*

Faktor ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan IN1 dan IN8 yang menyebut bahawa peminat burung ketitir yang mengikuti pertandingan bukan sekadar mempromosi burung mereka sahaja. Malah, ia juga bertujuan menghasilkan perniagaan melalui jualan burung tersebut. IN1 pernah menjual burung ketitir sebanyak 7 ekor sewaktu mengikuti pertandingan di Wilayah Krabi. Atas faktor inilah, beliau telah mengikuti pertandingan di merata tempat, khususnya pertandingan di peringkat besar. Ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

*“Yo (perkara ini) tak leh (tidak boleh) kigho (kira) goning (burung ketitir) deh!, kita gi (pergi/mengikuti pertandingan) naik di Krabi, bo molek wak (bawa) gi (pergi/mengikuti pertandingan) 9 ekor leka’ (dapat johan) 7 ekor nomor (nombor) 1, 2, 3, pah (lepas itu) demo (orang) sana beli”.*

Melalui temu bual dan pemerhatian yang dibuat, pengkaji mendapati mana-mana burung yang menjadi juara pertandingan harganya akan melonjak naik. Ini turut diakui oleh IN2, IN6 dan IN7 yang terlibat dalam pertandingan burung ketitir atas faktor ekonomi iaitu

untuk meningkat nilai harga burung. Menurut IN2, harga burung ketitir akan meningkatkan berkali ganda apabila menjadi juara dalam pertandingan. Beliau pernah mengikuti pertandingan burung ketitir buat kali pertama pada tahun 1997 di peringkat antarabangsa (Asian), Wilayah Yala dan menjadi juara pertandingan. Kesan dari itu, burung ketitir yang menjadi juara itu telah melonjak harga sehingga mencecah 600 ribu Bath (RM60 ribu).

Hal yang sama diakui oleh IN6 dan IN7 yang mengakui kebanyakan peminat burung ketitir mengikuti pertandingan bertujuan untuk meningkatkan nilai harga burung mereka. Hal ini boleh dilihat, apabila burung yang dipertandingkan menjadi juara pertandingan.

Perbincangan di atas menunjukkan dorongan ekonomi atau perniagaan burung adalah faktor yang telah mempengaruhi kebanyakan informan burung ketitir terlibat dalam pertandingan. Mereka sanggup membayar yuran untuk tujuan membolehkan mereka menyertai pertandingan demi mempromosi dan meningkatkan harga burung di samping menjual burung mereka. Ini menunjukkan lokasi pertandingan bukan sekadar untuk diadakan pertandingan, malah ia merupakan lokasi perniagaan burung yang terbesar. Ini kerana, burung yang terindah suaranya terkumpul disini. Dengan situasi ini, ia seumpama lokasi yang menganjurkan kempen atau acara pemasaran (*event marketing*) burung.

### 2.5 Faktor Hadiah

Hadiah turut mempengaruhi informan terlibat dalam pertandingan burung. Hadiah sama ada dalam bentuk piala, wang tunai dan barangan keperluan adalah penting bagi peserta pertandingan. Hal ini kerana, hadiah boleh meningkatkan lagi semangat mereka untuk memelihara burung selain mengikuti pertandingan burung di setiap lokasi. Faktor hadiah memainkan peranan yang mendorong informan (IN6) terlibat dalam pertandingan. Nilai hadiah yang ditawarkan oleh pihak penganjur walaupun rendah berbanding hadiah dalam pertandingan burung candik, namun ia boleh menaik semangat peserta burung untuk memenangi hadiah berbentuk piala.

## 3. Kefahaman Umum Terhadap Status Hukum Pertandingan Burung Ketitir

Berdasarkan temu bual semi berstruktur yang dilakukan, hasil kajian menemukan empat pandangan informan tentang hukum pertandingan burung ketitir.

### 3.1 Pandangan Yang Mengatakan Pertandingan Adalah Harus

Daripada sembilan orang informan, lima orang informan iaitu IN1, IN2, IN4, IN5 dan IN6 menyatakan pelaksanaan pertandingan burung ketitir adalah suatu perkara yang harus dilakukan. Hal ini kerana, ia tidak mempunyai unsur perjudian yang diharamkan. Apa yang penting, pengkaji mendapati maklum balas daripada mereka menunjukkan bahawa kesemua

mereka mempunyai alasan atau hujah tertentu. Alasan pertama yang dikenal pasti ialah wang penyertaan pertandingan burung ketitir dianggap seumpama wang penyertaan pertandingan tilawah al-Qur'an, wang tersebut boleh dijadikan hadiah juara pertandingan. Perkara ini, digambarkan oleh IN1 melalui kenyataan di bawah:

*"Masaaloh (masalah) main ngangok (tanding) ning (ini) seghupo (seumpama) baco (pertandingan baca) Qur'e (Qur'an) demo (mereka) taneng (tanding) di Kuala Lupu (Kuala Lumpur), yo (dia) masok (masuk) dafta (daftar) namo (nama) be'ning (macam ini) jugok (juga), tiye (tiang) kito (kita) nok (nak) ngangok (tanding) kito (kita) keno (mesti) sema' (daftar) la!, yo (dia) seghupo (seumpama) tu (itu) la, pah (kalau) gitu (begitu) tok gughu (guru) tok (tak) main, babo-babo lapeh (semacam) usta' (ustaz) ngaji tingi-tingi (tinggi)".*

Jawapan di atas menggambarkan informan tidak memahami prosedur pendaftaran yang dilaksanakan dalam pertandingan burung ketitir dan pertandingan tilawah al-Qur'an. Ini kerana prosedur pendaftaran dan matlamat pertandingan tilawah al-Qur'an tidak sama dengan pertandingan burung ketitir. Secara keseluruhannya, pertandingan tilawah al-Qur'an tidak dikenakan yuran penyertaan bagi membolehkan mengikuti pertandingan, malah kedudukan hukum pertandingannya adalah seumpama pertandingan sukan yang dilakukan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Informan menyamakan kedua-dua pertandingan itu bagi membolehkan masyarakat awam memberi gambaran positif terhadap pertandingan burung.

Alasan kedua yang diberi ialah dari sudut tujuan pertandingan yang dianjurkan. Ini kerana wang penyertaan yang disyarat oleh setiap peserta bagi membolehkan mereka mengikuti pertandingan burung bertujuan samata-mata mempromosi burung di samping menjual burung mereka. Hasil temu bual bersama IN5 menunjukkan tujuan pertandingan tersebut adalah bagi menikmati suara burung agar dapat dipromosikan di samping menjual burung mereka. Dengan tujuan tersebut, maka pertandingan burung ketitir harus dilakukan.

*"Hak (yang) ning (ini) gi (pergi) bayar bo (yuran pertandingan) nok (hendak) taneng (tanding) bughong (burung) molek (suara indah), bughong molek (burung suara indah) boleh (dapat) hadiah, pah (manakala) bughong tak molek (burung tiada suara indah) tak leh (tidak dapat) hadiah, tak dak gapo (boleh dilakukan), masaloh (masalah) hadiah ning (ini) nok (hendak) wi (diberi kepada) bughong molek (burung suara indah), tujuwe (tujuan) maksud oghe (orang) gi (pergi) taneng (tanding) tu (itu) nok (hendak) wi (beri) oghe (orang) denga (dengar) bughong (burung) yo (dia) molek (indah) nok (hendak) jua (jual)".*

Kenyataan di atas menunjukkan faktor perniagaan atau mempromosi burung turut mempengaruhi status pertandingan burung ketitir iaitu harus dilaksanakan. Alasan perniagaan

turut diperakui oleh IN4, beliau menyatakan setiap lokasi pertandingan burung ketitir dianggap sebagai lokasi perniagaan burung. Pertandingan yang dianjurkan adalah bagi menikmati suara burung selain mempromosi burung mereka. Dengan tujuan inilah, beliau berpendapat pertandingan harus dilakukan.

Kajian turut mendapati bahawa hadiah yang disediakan bukanlah merupakan matlamat utama menyertai sesuatu pertandingan. Malah, penglibatan peserta adalah lebih kepada mempromosi burung masing-masing dan bukanlah semata-mata untuk merebut atau mengharapkan hadiah yang ditawarkan. Hadiah yang ditawarkan itu adakalanya sekadar hadiah saguhati, seperti barangan keperluan harian. Malah, terdapat ramai juga dalam kalangan peserta pertandingan yang pernah menjadi juara dan kehadiran mereka bukan mengharapkan hadiah yang ditawarkan. Dengan bersandarkan kepada alasan ini, mereka berpendapat pertandingan burung ketitir boleh dilaksanakan.

Sepertimana telah dijelaskan sebelum ini, kehadiran golongan terpelajar dalam bidang agama seperti tok fakir, tok lebai dan ustaz, menjadikan ramai beranggapan bahawa penyertaan dalam pertandingan burung ketitir adalah dibolehkan. Bagi IN1, beliau berpandangan sekiranya pertandingan burung ketitir tidak dibenarkan oleh Islam, sudah tentu golongan terpelajar atau agamawan tidak akan melibatkan diri dalam pertandingan tersebut. Data ini diperoleh melalui temu bual bersama beliau:

*“Pah (kalau) gitu (begitu) tok gughu (guru) tok (tak) main, babo-babo lapeh (semacam) usta’ (ustaz) ngaji tingi-tingi (tinggi)”.*

Kenyataan di atas menunjukkan status hukum pertandingan burung ketitir turut dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya keterlibatan atau kehadiran golongan terpelajar dan juga wujudnya pertikaian pendapat dalam kalangan para ilmuan agama di Selatan Thailand terhadap pertandingan burung itu sendiri antara keharusan dan pengharaman. Pertikaian pendapat dalam kalangan para ilmuan agama di Selatan Thailand telah membuatkan IN5 terlibat dalam pertandingan sehingga ke hari ini. Beliau menyatakan akibat bertentangan pendapat ini, telah menyebabkan pertandingan burung ketitir masih aktif sampai sekarang. Ini adalah kerana, sudah tentu apabila terdapat pertikaian pendapat dalam kalangan para ilmuan agama di Selatan Thailand terhadap sesuatu perkara, membuatkan masyarakat awam khususnya golongan yang terlibat dengan pertandingan berpegang dengan pandangan yang harus dilakukan.

Kenyataan di atas menunjukkan mereka belum lagi memahami bahawa suatu pertandingan boleh berhubung dengan perjudian apabila pertandingan disertai dengan yuran

dan hadiah diambil dari sumber tersebut. Walau bagaimanapun, pertikaian pendapat dalam kalangan para ilmuan agama dan kedatangan golongan terpelajar dalam pertandingan turut menjadikan alasan pertandingan harus dilaksanakan.

### 3.2 Pandangan Yang Mengatakan Perjudian

Pandangan kedua yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah pertandingan burung ketitir mengandungi unsur perjudian. Perjudian tersebut berlaku melalui bayaran yuran penyertaan bagi membolehkan mereka mengikuti pertandingan. Pandangan yang menyatakan perjudian dalam kalangan informan ditemui melalui seorang informan iaitu IN7. Menurut beliau, pertandingan burung ketitir adalah mengandungi unsur perjudian. Ini adalah kerana pertandingan disertai dengan bayaran yuran penyertaan dan hadiah diambil dari sumber yuran tersebut. Apa yang menarik perhatian di sini ialah, beliau mengatakan perjudian dalam pertandingan tersebut dianggap sebagai perjudian kecil sahaja. Ini kerana, beliau bersandarkan atas faktor kedatangan golongan terpelajar. Ini dinyatakan oleh IN7 seperti berikut:

*“Yo (dia) judi jugak (juga) kigho maghi (kira kata) tapi (tetapi) judi haluh (kecil), kita beli bat (nombor penyertaan) tapi (tetapi) yo (dia) judi puak tok pakir, puak piyah-piyah (kupiyah) saja dale (dalam) pade (padang)”*

Kenyataan daripada informan di atas menggambarkan perjudian dikira berlaku dalam pertandingan apabila peserta dikenakan bayaran yuran bagi membolehkan mereka mengikuti pertandingan dan hadiah diambil dari sumber tersebut. Gambaran tersebut menunjukkan informan telah memahami konsep perjudian dalam pertandingan. Walau bagaimanapun, mereka masih lagi terlibat dalam pertandingan sehingga sekarang atas faktor tidak ada mana-mana pihak berkuasa mengambil apa-apa tindakan terhadap penganjur tersebut.

### 3.3 Pandangan Yang Mengatakan Kurang baik

Selain dari pandangan di atas, terdapat pula pandangan yang menyatakan kurang baik terhadap pelaksanaan pertandingan burung ketitir dari sudut niat penyertaan. Pengkaji menemukan pandangan seperti ini melalui temu bual bersama IN2 dan IN5. Mereka menyatakan pelaksanaan pertandingan burung ketitir adalah suatu perkara yang harus dilakukan, namun mereka beranggapan kurang baik terhadap pertandingan burung ketitir dari sudut niat penyertaan dalam pertandingan. IN2 berpandangan kurang baik terhadap pelaksanaan pertandingan burung ketitir, sekiranya mempunyai niat semata-mata untuk memperoleh hadiah cabutan nombor bertuah. Keadaan ini boleh dilihat, apabila peserta yang memiliki burung tanpa suara yang indah, sukar untuk menjadi juara pertandingan. Ini dibuktikan melalui temu bual bersama beliau seperti berikut:

*“Hok (yang) jeput (undi) nomor (nombor), kalu (kalau) niat situ (begitu) tok (tak) molek (elok) tok (tak) jangok (cantik), nok (nak) tike (undi) nomor (nombor) ngangok (tanding) seghupo (seumpama) gi (pergi) tike (undi) free doh...kalu (kalau) niat gitu”.*

Jawapan di atas menggambarkan peserta yang tidak memiliki burung yang suara indah, mereka akan mengharapkan hadiah melalui undian nasib. Dengan kata lain, mereka tidak mempunyai niat atau ikatan langsung dengan pertandingan burung yang dianjurkan. Situasi seperti ini adalah seumpama menyertai undian nasib atau loteri yang diharamkan oleh Islam. Pandangan tersebut dipersetujui oleh IN5, beliau berpandangan adalah kurang baik kerana diadakan hadiah cabutan nombor bertuah dalam pertandingan burung ketitir. Ini adalah kerana, hadiah tersebut adalah menyerupai undian nasib atau loteri yang diharamkan oleh Islam. Kenyataan ini diperolehi daripada IN5 sepertimana berikut:

*“Tak chome (tidak/kurang baik) mana hak (yang) jepu’ bor (jemput nombor/undian nasib), babo jeput (jemput undi) boleh (dapat) toratat (TV), tapi tak (tidak) mek (ambil) rangwan (hadiah) hak (yang) tu, tapi (tetapi) babo De (nama tok guru) gi (pergi) piko (pikul/ambil) sedighi (sendiri) toratat (TV) di Asian”.*

Kenyataan di atas menunjukkan informan berpandangan negatif terhadap beberapa aspek pertandingan yang dilaksanakan khususnya aspek hadiah cabutan nombor bertuah. Pandangan negatif terhadap hadiah nombor bertuah dalam pertandingan burung ketitir telah membuatkan informan tidak mengikuti acara cabutan nombor bertuah yang disediakan oleh pihak penganjur.

#### 3.4 Pandangan Mengatakan Tidak Tahu (Tidak Boleh Memberi Jawapan)

Kajian mendapati terdapat juga informan yang kurang pasti terhadap status hukum pertandingan. Dalam kata lain, mereka tidak mengetahui tentang kedudukan hukum pertandingan burung tersebut. Kajian menemui pandangan yang tidak mengetahui adalah seramai tiga orang iaitu IN3, IN8 dan IN9. Mereka tidak mengetahui kedudukan hukum pertandingan burung ketitir sama ada harus atau sebaliknya. Namun, mereka masih aktif dalam pertandingan burung ketitir atas faktor kedatangan golongan orang terpelajar agama dalam pertandingan. Selain itu, penjelasan daripada pihak Majlis Agama Islam Wilayah dan juga para ilmuan agama mengenai hukum pertandingan burung ini belum dijelaskan lagi sama ada harus atau sebaliknya. Hal ini dinyatakan oleh IN3:

*“Nak ghoyak (cerita) lagu (macam) na (mana), tak song (patut) kata tak leh (boleh) napok (nampak) puak-puak ngaji (para ilmuan agama) saja duk maghi (mari) ngangok (tanding),*

*puak yo (dia) tahu boleh (boleh) tak leh (boleh) kita peseng (macam) tughok (turut) yo (dia)... tak bunying (bunyi) lagi kata tak leh (tidak boleh), eh! tak tahu jugak (juga)"(IN3)*

Hasil perbincangan di atas menunjukkan bahawa informan masih jahil tentang isu yang berkaitan dengan mereka sendiri. Kejahilan mereka tentang hukum adalah selaras dengan pendidikan aliran agama yang mereka peroleh iaitu di peringkat tadika sahaja. Dapatan kajian juga menunjukkan pandangan yang tidak jelas dari pihak Majlis Agama Islam Wilayah dan pemimpin agama merupakan faktor yang menyebabkan informan tidak mengetahui hukum pertandingan tersebut. Dapatan kajian ini membuktikan peranan jabatan agama Islam amat penting bagi memperjelas dan menyelesaikan apa-apa isu yang berlaku pada masa sekarang.

### **Kesimpulan**

Kajian telah menunjukkan bahawa faktor ekonomi atau perniagaan burung merupakan faktor yang banyak mempengaruhi informan terlibat dalam pertandingan burung ketitir di Selatan Thailand. Mereka sanggup membayar yuran untuk tujuan bagi membolehkan mereka mengikuti pertandingan demi mempromosi dan meningkatkan harga burung di samping menjual burung mereka. Mengharapkan sesuatu benda yang akan diperolehi dalam pertandingan tersebut.

Kajian juga menunjukkan informan yang terlibat dalam pertandingan burung ketitir masih berbeza pandangan tentang kedudukan hukum pertandingan kepada empat. Kebanyakan informan berpandangan, pertandingan burung ketitir adalah harus dilaksanakan berdasarkan alasan masing-masing seperti perumpamaan wang penyertaan pertandingan burung ketitir dengan pertandingan tilawah al-Qur'an, hukum pertandingan ini masih mempertikaikan pendapat dalam kalangan para ilmuan agama. Namun, terdapat sebahagian mereka yang mengatakan harus iaitu mereka berpandangan kurang baik terhadap beberapa aspek yang dilaksanakan seperti niat penyertaan, hadiah cabutan nombor bertuah dan lain-lain, Terdapat juga seorang informan yang berpandangan pertandingan burung ketitir mengandungi unsur perjudian. Namun, terdapat juga sebahagian lagi tidak memberi jawapan atau tidak tahu kedudukan hukum pertandingan tersebut. Ini memberi gambaran bahawa mereka sendiri sebagai orang yang terlibat dalam pertandingan itu masih lagi keliru dengan hukum pertandingan yang dianjurkan. Kesamaran yang berlaku dalam pertandingan ini boleh menyebabkan orang ramai terlibat dalam perbuatan perjudian tanpa mereka sedari. Oleh demikian, kajian ini mencadangkan beberapa langkah awal yang boleh diambil oleh masyarakat yang terlibat dengan perkara yang bercanggah prinsip teras Islam dengan membuat rujukan

kepada pihak berwajib seperti Majlis Agama Islam Wilayah, institusi pengajian pondok dan lain-lain.

### **Rujukan**

- Ashraf bin Mh. Hashim. (2003). Konsep Pertandingan dan Hadiah di dalam Islam. *Jurnal Syariah*. 11(2): 95-116.
- Azman Ab Rahman. (2007). *Pertandingan Kontemporari Menurut Perspektif Islam*. Kolej Universiti Islam Malaysia: Negeri Sembilan.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad. (1974). *Hashiyah al-Bajuri 'Ala Sharh Ibn Qasim*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Balhaji, Abd al-Samad bin Muhammad. (2004). *Ahkam al-Musabaqat fi al-Sharii'ah al-Islamiyyah wa Tatbiqatih al-Mu'asarah*. Urdun: Dar al-Nafa'is.
- Chai Pothisita. (t.th). *Sat Lek Sinlp Haeng Kan Vijai Cheang Khunapap*. (Bahasa Thai), Cet: 3, Mahidon Universitiy: Institute People of Resource and Social.
- Mallika Khananurak. (2006). *Nok Khau Chawa Nok Krong Hua Juk*. Bangkok: Odean Store.
- Mohamad Surya. (2014). *Psikolgi Guru*. Bandung: Alfabeta.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif; Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Qaradawi, Yusof. (2014). *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*. (Terj:Fauwaz Fadzil). Kuala Lumpur: PTS ISLAMIKA.

### **Rujukan Temubual**

- Abdulrahman Toklong, Guru Agama sekolah Ma'had al-Muhammadi Kersik, Pattani diwawancara pada 29/10/2013.
- Asae Semelar, Penganjur dan Pengadil Pertandingan Burung Ketitir, diwawancara pada 11/12/2014.
- Hj Ismail Bendang Badam, Penasihat Majlis Ulama Fatoni Darussalam, diwawancara pada 2/2/2013.